



PESERTA ... Antara peserta program 'Road to Success' ke Jakarta.

NST 22.11.2013 9

Delegasi JAKMAS UMS sertai 'Road To Success' di Jakarta

JAKARTA: Delegasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah iaitu melalui program 'Road to Success' telah ke Jakarta, Indonesia baru-baru ini.

Delegasi lawatan 'Road to Success' diketuai oleh Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin dengan disertai oleh Pengarah Program 'Road to Success', Mohammad Radfizul Radzali bersama dua orang felo dan 9 orang barisan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS)

Kolej CD. Delegasi telah melawat dua buah universiti iaitu Universitas Mercu Buana (UMB) dan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UINSH).

Dalam lawatan mereka ke UMB, rombongan tersebut telah disambut mesra oleh kakitangan akademik dan barisan kepimpinan mahasiswa Fakultas Psikologi Universitas Mercu Buana. Dalam perjumpaan tersebut kedua-dua pihak bersetuju untuk menggalakkan program pertukaran pelajar antara UMS dan UMB pada masa akan datang bagi mewujudkan perkongsian bersama

proses pembelajaran dan percambahan idea.

Satu diskusi ilmiah juga diadakan bagi membincangkan isu-isu kemahasiswaan dan sosial yang membelenggu masyarakat pada masa kini. Perbincangan tersebut memberi penekanan terhadap jalinan kerjasama dalam bidang pendidikan di rantau Asia Tenggara yang akan dilaksanakan melalui program 'ASEAN Community'.

Turut dibangkitkan isu peranan pelajar dalam keharmonian global serta pendekatan melalui aktiviti yang diambil bagi mendekatkan

pelajar dengan masyarakat.

Lawatan ke UINSH pula telah disambut oleh barisan kakitangan akademik dan Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Fakultas Psikologi. Dalam lawatan tersebut, BEM telah memberi penerangan ringkas kepada delegasi mengenai kegiatan kemahasiswaan yang dijalankan di universiti itu dan pendekatan bersifat keterbukaan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Dalam sesi diskusi pula, antara perkara yang ditekankan adalah aspek kerjasama di antara organisasi mahasiswa dengan pihak organisasi luar.

Rombongan turut berkesempatan membuat kunjungan hormat ke Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia sebagai penghargaan kepada pihak kedutaan yang banyak membantu proses lawatan delegasi ke Jakarta. Rombongan mendapat layanan mesra oleh pihak kedutaan dalam satu majlis bersama pelajar. Antara yang hadir, Pengarah Pendidikan Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia, Prof. Madya Dr. Juzhar dan Pegawai Pendidikan Pelajar Malaysia di Indonesia, Encik Maximillian Conrad.



ABADIKAN KENANGAN ... Delegasi merakam gambar kenangan di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.